

## **UCAPAN BAJET DBKL 2017**

**Oleh**

**Y.BHG DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ  
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**14 NOVEMBER 2016**

**“BANDARKU RUMAHKU, WARGAKOTA SEJAHTERA”**

*Bismillahir rahmannir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

YBhg Datuk-Datuk / Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

### **PENDAHULUAN**

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, hari ini buat kali kedua saya membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2. Berdasarkan statistik populasi penduduk Kuala Lumpur adalah dianggarkan berjumlah 1.76 juta dengan keluasan fizikal 243 kilometer persegi. Ini menggambarkan kepadatan yang tinggi di Kuala Lumpur dan ia merupakan cabaran utama kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mentadbir urus bandar bagi memenuhi kehendak dan keperluan wargakota.
3. Di samping itu, bilangan harta tanah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada bangunan pejabat, rumah kediaman, hotel dan premis perniagaan juga meningkat saban tahun. Dari tahun 2010 hingga 2016 didapati peningkatan hampir mencecah sebanyak 100,000 unit harta kepada 550,000 unit harta yang dikenakan cukai taksiran.
4. Kuala Lumpur telah mendapat pengiktirafan kedudukan **ke-19** dalam kajian “Sustainable Cities Index 2016” yang dijalankan oleh firma Arcadis yang berpengkalan di Amsterdam, Netherland. Kajian ini mengambil kira elemen-elemen seperti infrastruktur pengangkutan, kemudahan menjalankan perniagaan, pelancongan, kepentingan perhubungan ekonomi global, jaringan komunikasi mudah alih dan jalur lebar serta peluang pekerjaan.

5. Kuala Lumpur juga berada pada kedudukan ke-22 daripada 189 seperti yang dilaporkan oleh World Bank Group dalam “*Feasibility of Doing Business 2016*” manakala dalam aspek “*Dealing with Construction Permits*”, Kuala Lumpur berada di tangga ke-13.
6. Pencapaian ini secara tidak lansung mengambarkan hasil komitmen semua pegawai dan kakitangan DBKL dalam memastikan peranan dan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan baik.
7. Walau bagaimana pun, dalam menangani isu utama warga kota dalam pemilikan rumah di Kuala Lumpur. DBKL dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Projek Rumah Wilayah Persekutuan (**RUMAWIP**) Kuala Lumpur sebanyak **94** projek dengan **57,217** unit rumah akan disediakan. Sebanyak **55,000 unit akan siap** pada tahun **2018**. Berdasarkan status terkini dimaklumkan bahawa ;-
  - a. 3 projek dengan 3,132 unit rumah telah siap dibina iaitu di Bandar Tun Razak, Jinjang Utara dan Bukit Jalil.
  - b. 19 projek dengan 12,778 unit sedang dalam pembinaan

- c. 21 projek dengan 8,072 unit telah mendapat Perintah Pembangunan (DO)
  - d. 26 projek dengan 16,217 unit sedang dalam pertimbangan OSC
  - e. 25 projek dengan 17,018 unit sedang dalam perancangan
8. Disamping itu, seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, projek perumahan '*council home*' untuk warga muda, bujang dan bekerja di Kuala Lumpur dengan anggaran kos RM345 juta akan dibina, sebanyak RM80 juta diperuntukan dalam bajet 2017 akan dibina di Kampung Sungai Udang, Segambut. Manakala projek perumahan '*council home*' yang akan dibangunkan di Razak Mansion, Sungai Besi dan di Kampung Keramat, Titiwangsa akan dilaksanakan secara usahasama dengan pemaju swasta.
9. Dalam mengekalkan tadbir urus yang cemerlang, DBKL telah memastikan setiap proses dan prosidur kerja utama mendapat pengiktirafan dan mematuhi piawaian standard MS ISO 9001:2008.

Pada tahun 2017, pentadbiran DBKL telah bersetuju untuk meneruskan pematuhan piawaian ini kepada standard baharu iaitu MS ISO 9001:2015.

10. Penyata Kewangan DBKL 2015 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara dan dalam laporannya bertarikh 29 Ogos 2016 menyatakan bahawa Penyata Kewangan DBKL telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan DBKL dan prestasi kewangan serta aliran tunainya selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Berdasarkan laporan ini, jelas menunjukkan bahawa DBKL mengamalkan konsep akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

## **FOKUS BAJET 2017**

11. Bajet DBKL 2017 perlu disediakan dengan realistik, ekonomik dan mengamalkan prinsip '*value for money*'. Disamping itu, keupayaan kewangan semasa dan komitmen kewangan DBKL pada masa hadapan juga perlu diberi perhatian serius dalam penyediaan Bajet DBKL 2017.

12. Perancangan tahun hadapan juga adalah berlandaskan visi dan misi DBKL untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Fungsi dan peranan DBKL juga adalah untuk memastikan warga kota menikmati kesejahteraan hidup di bandar dalam bentuk persekitaran yang berkualiti, selamat, persekitaran gaya hidup sihat dan harmoni.
13. Selain itu, bajet DBKL 2017 dirancang selari dengan Pelan Strategik DBKL 2010 - 2020 yang menekankan 5 matlamat utama iaitu bandar raya milik warga kota, bandar raya makmur ekonomi, bandar raya bersaring, bandar raya eko dan bandar raya tadbir urus cekap.

## **PERUNTUKAN PERBELANJAAN 2017**

14. Dengan tema bajet "***Bandarku Rumahku, Wargakota Sejahtera***", Bajet DBKL 2017 dirancang dengan peruntukan sebanyak **RM2.871 bilion** di mana **RM1.728 bilion** atau **60%** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM1.143 bilion** atau **40%** untuk Peruntukan Pembangunan.

## **PERBANDINGAN ANTARA BAJET 2017 DAN BAJET 2016**

15. Di bawah Peruntukan Mengurus, sebanyak **RM1.728 bilion** diperuntukkan berbanding **RM1.727 bilion** pada tahun 2016. Peruntukan ini telah **meningkat** sebanyak **0.05%** ataupun **RM840 ribu** berbanding peruntukan tahun 2016
  
16. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sebanyak **RM1.143 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal. Peruntukan Pembangunan ini **meningkat** sebanyak **14.6%** ataupun **RM146.12 juta** berbanding Peruntukan Pembangunan 2016 sebanyak **RM997 juta**. Pecahan Peruntukan Pembangunan terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM747.18 juta** manakala **RM395.94 juta** merupakan pembiayaan daripada kerajaan dan swasta.
  
17. Bagi pembiayaan DBKL, jumlah peruntukan ini **meningkat** sebanyak **32.9%** ataupun **RM184.88 juta** berbanding peruntukan 2016 sebanyak **RM562.3 juta**. Manakala bagi pembiayaan kerajaan dan swasta,

jumlah peruntukan ini **berkurangan** sebanyak **8.9%** ataupun **RM38.76 juta** berbanding peruntukan 2016 sebanyak **RM434.7 juta**.

## **ANGGARAN HASIL 2017**

18. Secara umumnya, Anggaran Hasil 2017 meningkat kepada **RM2.475 bilion** berbanding dengan **RM2.289 bilion** dalam tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak **8.1%**.
19. Hasil cukai taksiran yang dijangka berjumlah **RM1.043 bilion** merupakan hasil utama DBKL di mana menyumbang sebanyak **42.1%** daripada hasil keseluruhan DBKL.
20. Memandangkan pertumbuhan ekonomi Negara yang dijangka agak perlahan pada tahun 2017, **DBKL tidak mencadang untuk menaikkan kadar cukai taksiran atau membuat penilaian semula ke atas pegangan harta** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur malahan, DBKL akan memberikan insentif kepada pembayar cukai taksiran **golongan OKU** sebanyak **20%**.

21. Hasil kedua terbesar ialah pulangan keuntungan pelupusan aset sebanyak **RM485.05 juta** ataupun **19.6%**. Hasil daripada pelupusan aset ini telah menyumbang kepada peningkatan keseluruhan anggaran hasil 2017 yang seterusnya membantu bagi mencapai bajet seimbang.
22. Di samping itu, hasil lain termasuklah bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM389.8 juta (15.7%)**, hasil pelaburan sebanyak **RM189.9 juta (7.7%)**, hasil sewaan perumahan berjumlah **RM82.03 juta (3.3%)**, hasil pulangan projek penswastaan sebanyak **RM83 juta (3.4%)**, bantuan kerajaan pusat berjumlah **RM49.5 juta (2.0%)** serta lesen dan permit sebanyak **RM47.2 juta (1.9%)**.

## **PERUNTUKAN MENGURUS 2017**

23. Pada tahun 2017, DBKL akan memperuntukkan sejumlah **RM1.728 bilion** dalam Peruntukan Mengurus. Ia terbahagi kepada enam komponen utama iaitu **RM495.1 juta (28.6%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM67 juta (3.9%)** disediakan bagi Bayaran

Lebih Masa dan **RM1.094 bilion (63.3%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan.

24. Selain itu, sejumlah **RM4.22 juta (0.2%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset kecil dan inventori. Dalam pada masa yang sama, sebanyak **RM38.9 juta (2.3%)** diperuntukkan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya sebanyak **RM29 juta (1.7%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain.

### **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2017**

25. Bagi Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM1.143 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal sepanjang tahun 2017. Jumlah tersebut terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM747.1 juta (65.4%)** manakala **RM395.9 juta (34.6%)** merupakan pembiayaan daripada kerajaan dan swasta. Sejumlah **RM205.9 juta (18.0%)** diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah **Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)** manakala **RM2.1 juta (0.2%)** lagi adalah bagi projek **National Key**

**Result Area (NKRA)** iaitu pembinaan jejantas dan laluan pejalan kaki berbunga serta koridor jalan.

26. Seterusnya, sebanyak **RM176 juta (15.4%)** diperuntukkan di bawah program **NKEA Greater KL / KV** bagi projek **River of Life, Greener KL, Pedestrian Network** dan **Global Attraction**.
27. Selain itu, sejumlah **RM3 juta (0.3%)** bagi projek **Pedestrian Linkages** yang disumbangkan oleh **Petronas** manakala bakinya sebanyak **RM8.8 juta (0.8%)** disalurkan oleh **Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia)**, **Kementerian Wilayah Persekutuan** (bagi projek *Quick Win*, pewartaan rezab sungai, kolam takungan banjir serta kajian sumber air bawah tanah) dan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** (pembinaan Kompleks Akademi Tahfiz Darul Abrar dan pembesaran surau PPR Beringin Fasa 2).

## **14 PROGRAM PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2017**

28. Untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 seiring dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi citarasa warga kota, DBKL akan memberi penekanan terhadap pelaksanaan kesinambungan 14 program utama sedia ada.

### **i. Program Pengurusan dan Pentadbiran :**

- Dalam usaha memperkasa urus tadbir DBKL bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kakitangan seramai 10,502 orang, sejumlah **RM211.4 juta** diperuntukkan dalam Peruntukan Mengurus.
- Di samping itu, sebanyak **RM182 juta** disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran dalam Peruntukan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut, **RM52.4 juta** merupakan peruntukan untuk pembelian aset-aset baru manakala **RM35 juta** pula melibatkan peruntukan bagi pembayaran pengambilan tanah dan premium tanah untuk

projek-projek pembangunan yang bakal dilaksanakan untuk manfaat wargakota pada masa hadapan.

## ii. Program Pembersihan Bandar :

- Secara keseluruhan, Peruntukan Mengurus bagi mempertingkatkan kebersihan ibu kota yang pesat membangun di Malaysia ini adalah sebanyak **RM271.7 juta**. Sebahagian besarnya adalah bayaran untuk kontrak pembersihan bandar yang dilaksanakan oleh **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)** berjumlah **RM168 juta** untuk memastikan kota raya ini sentiasa bersih, bebas daripada pencemaran dan selesa untuk didiami oleh wargakota.

## iii. Program Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang serta Kemudahan Rekreasi :

- Bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai *Bandaraya Taman Tropika Lestari* menjelang tahun 2020, usaha untuk menghijaukan bandar raya ini boleh dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susun atur hijau di semua

taman awam, tanah lapang dan kawasan rekreasi. DBKL juga mensasarkan penanaman 100,000 batang pokok menjelang tahun 2020.

- Untuk itu, sejumlah **RM74.2 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan taman-taman, padang-padang, tanah lapang dan taman permainan di seluruh Kuala Lumpur.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM51.8 juta** disediakan bagi program ini. Seperti sedia maklum, pada tahun 2017, Kuala Lumpur merupakan tuan rumah bagi temasya Sukan Sea yang ke-29. Justeru, sejumlah **RM13.2 juta** disediakan bagi tujuan pengindahan lanskap Venue Sukan Sea. DBKL juga memperuntukkan sebanyak **RM11.9 juta** bagi tujuan menaiktaraf Taman Botani Perdana, program penanaman pokok serta menaiktaraf taman-taman dan kawasan-kawasan rekreasi di sekitar Kuala Lumpur agar kotaraya ini menjadi lebih ceria, hijau dan segar.

iv. **Program Jalan Raya dan Saliran :**

- Penyelenggaraan jalan raya yang dianggarkan lebih kurang 3,000 kilometer panjang perlu dilakukan secara berkala oleh DBKL bagi memastikan keselamatan dan keperluan mobiliti yang memuaskan jutaan pengguna jalan raya yang membanjiri jalan-jalan di Kuala Lumpur setiap hari. Sehubungan itu, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM123.3 juta** di bawah Peruntukan Mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan jalan-jalan utama, jalan-jalan awam, jalan-jalan di kawasan perumahan dan lorong sisi / belakang di seluruh Kuala Lumpur termasuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai.
- Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan, DBKL juga menyediakan pembiayaan terbesar di mana bagi program ini sahaja, sebanyak **RM533.7 juta** diperuntukkan yang melibatkan **69 projek** untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM300.2 juta** diagihkan bagi tujuan kerja-kerja pembinaan serta naiktaraf jalan raya dan **RM233.4 juta** bagi kerja-kerja perparitan dan saliran di seluruh Kuala

Lumpur. Manakala sejumlah **RM176 juta** adalah merupakan pembiayaan di bawah **NKEA (Greater KL / KV)** khasnya untuk program **River Of Life**. Peruntukan sebanyak **RM100 juta** juga disediakan untuk projek penyuraian trafik serta kerja-kerja menaiktaraf Jalan Tun Razak dan projek mengatasi kesesakan lalulintas di Jalan Yew.

v. **Program Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalu Lintas :**

- Dengan mementingkan konsep *Bandar Selamat* dan *Bandaraya Taman Bercahaya*, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan cerah bercahaya yang dianggarkan 40,000 unit lampu jalan dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Oleh itu, sejumlah **RM87.5 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus.
  
- DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM14.4 juta** bagi program ini di bawah Peruntukan Pembangunan. Antara projek yang dilaksanakan adalah kajian pelan induk pejalan

kaki serta pembinaan kemudahan jejantas pejalan kaki ataupun *Pedestrian Linkages* di seluruh Kuala Lumpur di samping peruntukan disediakan khas untuk pencahayaan dan penggantian skrin LED *track light* pada bangunan-bangunan dan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur.

**vi. Program Tempat Letak Kereta, Hentian Bas & Siar Kaki :**

- Di bawah Peruntukan Mengurus, sejumlah **RM4.8 juta** diperuntukkan dalam Bajet 2017. Sebahagian besarnya adalah bagi tujuan penyelenggaraan perteduhan bas serta teksi dan penyelenggaraan laluan pejalan kaki berbungung.
  
- Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM122.7 juta** disediakan bagi mempertingkatkan kemudahan bagi pejalan kaki, tempat letak kereta dan hentian pengangkutan awam. Sebahagian besarnya yang berjumlah **RM77.5 juta** adalah untuk pembinaan tempat letak kereta di 12 lokasi Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat di seluruh Kuala Lumpur.

vii. **Program Penyelenggaraan, Naiktaraf & Ubahsuai Bangunan:**

- Anggaran Peruntukan Mengurus bagi program ini adalah sebanyak **RM42.6 juta** yang meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan DBKL seperti penyelenggaraan bangunan pejabat, bayaran kontrak mencuci pejabat, penyelenggaraan pembersihan serta penyelenggaraan rumah, kuarters dan rumah rehat DBKL.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM22.5 juta** diperuntukkan. Antaranya adalah bagi menaiktaraf bangunan unit-unit luar dan bangunan pejabat Jabatan Penguatkuasa serta projek merekabentuk dan menaiktaraf bangunan DBKL di Jalan Tangsi.

viii. **Program Penjaja dan Peniaga Kecil :**

- Penjaja dan peniaga kecil merupakan ejen ekonomi yang efektif dan efisien dalam pengagihan barang dan perkhidmatan kepada orang awam. Lebih kurang 160 kawasan termasuk pusat penjaja dan pasar berbangunan serta pasar terbuka.

- Oleh itu, bertepatan dengan harapan DBKL untuk menggalakan pembangunan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, sejumlah **RM11.8 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus yang sebahagian besarnya meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan pasar, pusat penjaja, tapak penjaja, kios serta penyelenggaraan rumah sampah.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM22.2 juta** disediakan bagi pembangunan dan pembinaan pasar dan pusat penjaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur. Antaranya adalah pembangunan Pasar Raja Bot di Kampong Bharu yang berjumlah **RM10 juta** disamping projek pembangunan semula Pasar Harian Selayang dan pusat penjaja di Bazaria Genting Klang yang terletak bersebelahan dengan kompleks JPJ.
- Mulai Januari 2017, semua jenis bekas / bungkusan makanan dan minuman serta sudu dan garfu hendaklah menggunakan produk **Biodegradasi**.

**ix. Program Penguatkuasaan :**

- Peningkatan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan DBKL adalah penting dalam mengukuhkan kualiti hidup penduduk di Kuala Lumpur termasuk kawalan keselamatan. Untuk itu, di bawah Peruntukan Mengurus, sebanyak **RM26.4 juta** disalurkan bagi program ini yang sebahagian besarnya dibelanjakan bagi perkhidmatan keselamatan.
- Di bawah strategi lautan biru, DBKL bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi Kerajaan dalam menjalankan operasi penguatkuasaan.

**x. Program Perumahan Awam & Perumahan Rakyat :**

- Bagi memastikan penduduk yang kurang berkemampuan dapat menetap dan tinggal di ibu kota yang pesat membangun ini, DBKL mengambil inisiatif dengan penuh rasa tanggungjawab untuk mengurus hampir 72,000 unit rumah di 32 kawasan PPR dan 39 kawasan PA di sekitar Kuala Lumpur. Peruntukan

Mengurus yang besar sebanyak **RM166.7** juta disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan selain bayaran kontrak untuk yuran pengurusan yang perlu ditanggung DBKL. Hal ini perlu dilakukan oleh DBKL untuk memastikan penduduk di kawasan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat dapat hidup selesa, selamat dan sejahtera.

- Tidak cukup dengan itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM50.4** juta bagi kerja penggantian dan naik taraf lif, naik taraf sistem elektrik bagi pemasangan *branch cable*, naik taraf pam, naik taraf sistem bekalan air dalaman, naik taraf tangki FRP kepada tangki baru jenis *Presssteel* dan penggantian jenang tingkap kayu kepada aluminium di beberapa kawasan PA dan PPR.
  
- Selain itu, peruntukan berjumlah **RM80** juta juga disediakan untuk cadangan pembangunan Perumahan ‘Council Home’ di Kg. Sungai Udang, Segambut. Manakala projek perumahan ‘council

*home*' yang akan dibangunkan di Razak Mansion, Sungai Besi dan di Kampung Keramat, Titiwangsa akan dilaksanakan secara usahasama dengan pemaju swasta.

**xii. Program Kesihatan :**

- Persekutaran yang bersih dan selesa juga merupakan satu aspek penting yang perlu dititik beratkan khususnya yang berkaitan penjagaan kesihatan dan masalah penyakit yang berpunca daripada bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Untuk itu, melalui program kesihatan, sejumlah **RM8.5 juta** diperuntukkan di mana sebahagian besarnya yang berjumlah **RM5.5 juta** adalah untuk kerja-kerja *fogging* yang akan dilaksanakan di seluruh Kuala Lumpur pada tahun hadapan.

**xiii. Program Pembangunan Komuniti :**

- Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan untuk melahirkan modal insan yang memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang tinggi, pelbagai aktiviti dirancang di mana sejumlah **RM39.2 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus untuk warga kota Kuala Lumpur. Ini termasuklah

aktiviti pembangunan sosial dan gotong royong serta pelbagai program khas komuniti wargakota yang turut melibatkan orang kurang upaya (OKU), gelandangan dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

- Atas dasar keprihatinan, DBKL juga bercadang untuk melaksanakan program khidmat bas sekolah secara percuma kepada anak-anak penghuni PPR/PA mulai tahun 2017.
- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM38.6 juta** disediakan di mana sebanyak **RM10 juta** diperuntukkan bagi projek-projek kecil di Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat untuk keselesaan dan kemudahan penghuni-penghuni di sana. Selain itu, peruntukan juga disediakan bagi tujuan pembinaan dan naik taraf dewan masyarakat, dewan komuniti serta dewan serbaguna di seluruh Kuala Lumpur yang bakal memberi manfaat kepada penduduk di sekitarnya.

### **xiii. Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan :**

- Kebudayaan, kesenian dan sukan boleh membentuk, menyatupadu dan mengukuhkan semangat kemasyarakatan

tanpa mengira agama ataupun bangsa. Justeru, usaha bagi mempromosikan program dan aktiviti seumpama ini adalah penting dalam strategi pembangunan komuniti. Untuk itu sejumlah **RM16.1 juta** di bawah Peruntukan Mengurus disediakan untuk program-program yang melibatkan kegiatan sukan, kebudayaan dan muzik Kuala Lumpur termasuklah peruntukan untuk Program Khas Sukan SEA memandangkan Kuala Lumpur yang akan menjadi tuan rumah sukan terbesar Asia Tenggara tersebut pada tahun hadapan.

- Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM9.1 juta** disediakan bagi program ini. Peruntukan disediakan bagi projek cadangan rekabentuk arena ‘petanque’ di Taman Rekreasi Pudu Ulu, Cheras selain baik pulih dan naik taraf gelanggang futsal dan padang bola di seluruh Kuala Lumpur bagi menggalakkan warga kota mengamalkan aktiviti hidup sihat dengan bersukan.

#### xiv. Program Pelancongan :

- Kuala Lumpur mempunyai banyak kelebihan untuk ditawarkan sebagai destinasi pelancongan di negara ini. United Nation World Tourism Organisation juga telah memilih Kuala Lumpur sebagai hos bagi acara Global Summit on City Tourism 2017. Justeru, bagi menggalakkan aktiviti pelancongan, sejumlah **RM9.7 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi aktiviti penggalakan pelancongan dan percetakan serta penerbitan untuk aktiviti pelancongan.
  
- Selain itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM15.6 juta** disediakan bagi melaksanakan projek-projek yang dirancang seperti projek-projek *KL Heritage Trail* dibawah projek NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley untuk Entry Point Project #7 iaitu mewujudkan tempat dan tarikan ikonik, pembinaan pintu gerbang di sempadan masuk Kuala Lumpur, menaiktaraf dan pengindahan di beberapa lokasi tumpuan pelancong serta program khas pemantapan bangunan warisan. Dengan inisiatif serta pelaksanaan projek-

projek tersebut, ianya diharap dapat menggalakkan kemasukan ramai pelancong asing ke negara kita dan seterusnya memberikan hasil tambahan bukan sahaja kepada wargakota Kuala Lumpur, tetapi juga kepada negara.

## **PENUTUP DAN RUMUSAN**

23. Secara keseluruhannya, Bajet 2017 adalah merupakan **Belanjawan Seimbang** dimana Anggaran Hasil DBKL mampu menampung Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan Pembiayaan DBKL.
  
24. Berdasarkan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, adalah dijangkakan program, aktiviti dan projek yang dibiayai di bawah Peruntukan Mengurus dan Pembangunan dapat mencapai objektif DBKL dan Visi menjadi '**Bandaraya Bertaraf Dunia**' serta Visi Wilayah Persekutuan '**Maju dan Sejahtera**'.

25. Besarlah harapan saya agar Bajet DBKL 2017 memberi impak positif kepada wargakota. Setiap program / aktiviti / projek yang telah dirancang dan akan dilaksanakan adalah benar-benar bersesuaian dengan keperluan dan kehendak wargakota serta menepati dasar dan hasrat kerajaan dalam mensejahterakan kehidupan rakyat.

**SEKIAN.**